

Gejala Buli (Part 1)

Azizi bin Hj Yahaya

Dewasa ini gejala buli tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Beberapa insiden buli dan pelanggaran disiplin telah dilaporkan semakin menular di sekolah-sekolah menengah mahupun rendah.

Akhbar di Malaysia telah melaporkan bahawa seorang pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama meninggal dunia akibat dibelasar oleh sekumpulan pelajar senior. Gejala tingkah laku buli ini yang membabitkan pelajar aliran agama amat memeranjatkan masyarakat kerana sepatutnya pelajar-pelajar aliran agama ini memberi contoh yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah lain namun matlamat tersebut masih lagi belum tercapai. Berdasarkan laporan media massa, keseriusan masalah buli dalam kalangan murid sekolah perlulah ditangani dengan segera. Jika tidak, ia mungkin menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan. Peningkatan jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah, seperti kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, buli dan bunuh telah menimbulkan kebimbangan segenap lapisan masyarakat di seluruh negara.

Perlakuan buli dikalangan pelajar sekolah ini bukan sahaja serius malah ia mencemarkan Institusi Pendidikan Negara dan perlu ditangani segera. Kerjasama dari semua pihak amat diharapkan agar gejala ini dapat dibendung dengan segera sebelum ia menjadi lebih parah dari asalnya. Namun, apa yang kita dapat perhatikan trend masyarakat pada masa kini dengan hanya menunding jari dan lepas tangan sahaja. Sepatutnya, masyarakat perlu mengembangkan tenaga dan usaha untuk membenteras gelaja buli ini dan mencari penyelesaian bagi masalah ini. Masyarakat sering kali menyalahkan ibu bapa kerana tidak memberi sepenuh perhatian kepada anak mereka malah guru juga turut di persalahkan kerana tidak bertanggungjawab mendisiplinkan pelajar terbabit.